

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

6

ISIN. 31 OGOS 2020

Nasional

Penularan COVID-19

Dua kluster baharu dikesan

Kes kematian babit lelaki warganegara berusia 75 tahun

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan dua kluster baharu wabak COVID-19, iaitu Kluster MV Glen di Pelabuhan Klang, Selangor dan Kluster Telaga di Kedah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster MV Glen dikesan di sebuah kapal di Pelabuhan Klang, Selangor dengan kes indeks kluster dilaporkan positif pada 25 Ogos lalu.

Beliau berkata, Kluster Telaga pula dikesan di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

Katanya, kes indeks bagi Kluster MV Glen adalah seorang kru kapal yang dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan diberi rawatan.

"Saringan COVID-19 dijalankan dan sehingga hari ini, lapán orang sudah disaring dalam kluster ini. Dua kes dikesan positif COVID-19 dan enam individu adalah negatif.

"Kes indeks bagi kluster ini adalah kes import membabitkan seorang bukan warganegara, manakala kes kedua adalah kes tempatan yang membabitkan seorang warganegara Malaysia yang ejen dilantik oleh syarikat perkapa-

lan," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Beliau berkata, aktiviti pengeesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat bagi kluster berkenaan masih dijalankan.

Katanya, langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar juga sudah dijalankan di kapal terbabit.

"Saringan kesihatan *sign-on* dan *sign-off* adalah penting kerana ini adalah antara kawalan sempadan antarabangsa yang dijalankan bagi mengekang aliran kemasukan individu yang berpotensi dijangkiti COVID-19 ke dalam negara.

"Justeru, kawalan ini perlu terus dipertingkatkan bagi mengelakkan penularan penyakit COVID-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, jangkitan Kluster Telaga pula membabitkan kes kontak rapat kepada kes indeks yang dikesan positif, pada 24 Ogos.

Beliau berkata, pesakit terbabit tidak bergejala dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah untuk diberi rawatan.

"Kedua-dua kes ini adalah petugas kesihatan di hospital itu, namun tugas tidak membabitkan jagaan kes yang disahkan positif COVID-19.



Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ketika melakukan sekatan jalan raya di Zon Kenanga, Amanjaya, Sungai Petani, semalam. (Foto Amran Hamid/BH)



Masyarakat diingatkan untuk melindungi kumpulan mudah dijangkiti termasuk warga emas dan wanita hamil yang berisiko lebih tinggi mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

"Sehingga 30 Ogos jam 12 tengah hari, sejumlah 374 orang sudah disaring dalam kluster ini membabitkan ahli keluarga, kakitangan hospital dan individu lain-lain.

"Dua kes dikesan positif COVID-19 dan 372 individu adalah negatif," katanya.

Beliau berkata, sebagai langkah kawalan, lebih banyak saringan tertumpu di hospital akan dijalankan, manakala langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti pembersihan serta proses nyah kuman juga dijalankan di premis yang berkaitan.

Pada masa sama, perkhidmatan Hospital Sultanah Bahiyah tidak terjejas dan tetap berjalan seperti biasa.

Beliau berkata, pihaknya masih belum mengetahui punca jangkitan dan masih dalam siasatan, namun mengesyaki ia besar kemungkinan berpunca dalam kalangan komuniti.

Sementara itu, sebulan selepas kali terakhir kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), semalam mencatatkan kes kematian ke-126.

Kes kematian ke-126 membabitkan lelaki warganegara Malaysia berusia 75 tahun dan mempunyai

latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, Chronic Obstructive Pulmonary Disease (COPD) dan penyakit jantung.

Beliau berkata, pesakit berkenaan tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara. Beliau mula mempunyai gejala batuk dan sesak nafas pada 7 Ogos lalu dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah bagi jangkitan paru-paru (pneumonia).

"Ujian saringan menunjukkan beliau positif COVID-19. Keadaan kesihatan beliau semakin merosot dan disahkan meninggal dunia pada 29 Ogos kelmarin, jam 5.10 petang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, masyarakat diingatkan untuk melindungi kumpulan mudah dijangkiti termasuk warga emas dan wanita hamil yang berisiko lebih tinggi mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19.

Selain itu, kumpulan mudah dijangkiti termasuk pesakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan pesakit imuniti rendah, iaitu kanser dan HIV.

Kumpulan yang rentan ini (*vulnerable group*) mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan COVID-19.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19: MV Glen, Telaga dua kluster terbaharu

PUTRAJAYA : Dua kluster baharu dan satu kematian dilaporkan semalam di Selangor dan Kedah.

Dua kluster baharu itu ialah Kluster MV Glen di Selangor dan Kluster Telaga di Kedah sementara satu kematian membabitkan seorang warga emas lelaki berusia 75 tahun mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD) dan penyakit jantung.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri. Dr. Noor Hisham Abdullah (**gambar**) berkata, Kluster MV Glen dikenal pasti di sebuah kapal di Pelabuhan Klang, Selangor.

Katanya, kes indeks merupa-



kan kes ke-9,286 yang dilaporkan positif pada 25 Ogos lalu yang juga merupakan seorang krew kapal.

"Individu terbabit dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh

dan diberi rawatan. Sejumlah lapan orang disaring dalam kluster ini dengan dua kes dikesan positif Covid-19 dan enam individu negatif," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Dr. Noor Hisham, terdapat satu lagi kluster baharu dikenal pasti di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah yang merupakan kontak rapat kepada kes indeks yang dikesan positif pada 24 Ogos lalu iaitu kes ke-9,284.

"Individu terbabit tidak bergejala dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah untuk diberi rawatan. Kedua-dua kes ini merupakan petugas kesihatan di hospital tersebut na-

mun tugas tidak melibatkan jagaan kes yang disahkan positif Covid-19," jelasnya lagi.

Beliau memberitahu, sejumlah 374 orang disaring dalam kluster itu melibatkan ahli keluarga, kakitangan hospital dan lain-lain dengan dua kes dikesan positif dan 372 individu negatif.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan 84 individu atas kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Daripada jumlah itu, kata beliau, seramai 55 individu dikom-

paun, 27 orang direman dan dua individu dijamin.

"Antara kesalahan ingkar arahan PKPP termasuk aktiviti dalam kelab malam 45 kes, gagal menyediakan peralatan atau catatan keluar masuk (17 kes) dan tidak memakai pelitup muka iaitu 10 kes.


"Kesalahan lain ialah premis beroperasi lebih masa iaitu dua kes, premis beroperasi tanpa lesen (satu kes), aktiviti dengan melibatkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan sosial (tujuh kes) serta dua tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI)," katanya dalam laporan harian perkembangan Kawalan Pergerakan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 23
 RUANGAN : GEMILANG 63 TAHUN

UTUSAN MALAYSIA ISNIN • 31 OGOS 2020

MUKA 23

Gemilang 63 tahun



KEJAYAAN mengawal dan menguruskan pandemik Covid-19 telah menaikkan nama dan imej Malaysia di peringkat antarabangsa selain menjadi contoh kepada negara-negara jiran.

Kejayaan bersejarah tangani penyakit

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

KUALA LUMPUR - Tidak terjangkau akal fikiran yang waras apabila Malaysia dan seluruh dunia dilanda virus maut dikenali sebagai Covid-19 lebih-lebih lagi ketika melangkah tahun yang dinanti-nanti iaitu 2020. Lebih mengejutkan, tidak sampai tempoh enam bulan, virus tersebut telah merebak dengan pantas ke lebih 200 buah negara di seluruh dunia.

Menyerot kembali beberapa puluh waima ratusan tahun dahulu, dunia bukan tidak pernah mengalami jangkitan penyakit berbahaya.

Penyakit seperti Ebola, Sistem Pernafasan Akut Teruk (SARS), selesema babi, virus nipah, zika, influenza, kolera dan banyak lagi pernah merebak hingga menyebabkan banyak nyawa terkorban.

Pun begitu, penyakit berjangkit tersebut tidak melangkaui semua benua, sebaliknya hanya menjejaskan beberapa wilayah di sesebuah negara atau serantau sahaja.

Memetik kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, berlainan dengan Covid-19, virus yang mula dikesan di Wuhan, China pada November tahun lalu lebih berbahaya kerana mampu merebak dengan pantas ke serata dunia hanya dengan hubungan kontak dengan pesakit yang disyaki.

"Sebagai contoh, jika seseorang bersalaman dengan individu positif Covid-19 yang belum menerima rawatan, dia mungkin telah dijangkiti. Kemudian, apabila dia pulang ke rumah dan berhubung dengan ahli

Penyakit Dan Punca

JAPANESE ENCEPHALITIS (JE)

- Disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk. Virus JE boleh menyerang sistem saraf dan mengakibatkan komplikasi teruk serta kematian.

SINDROM PERNAFASAN AKUT TERUK (SARS)

- Penyakit seperti jangkitan selesema. Ia tersebar melalui titisan cecair. Pesakit SARS yang bersin atau batuk menyebarkan titisan-cecair dari mata, hidung dan mulut ke udara dan mencemari individu atau objek yang berdekatan.

ZIKA

- Zika yang disebar oleh nyamuk Aedes, spesies yang sama yang menyebarkan virus denggi dan chikungunya. Kebanyakan orang yang dijangkiti virus Zika tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala, sementara yang lain ada yang melaporkan demam ringan, ruam dan sakit otot.

COVID-19

- Covid-19 adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan.
- Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.

keluarganya, seisi rumahnya pula akan disyaki positif Covid-19.

"Jika seisi keluarga yang disyaki positif itu pergi pula ke tempat awam seperti pusat beli-belah dan majlis keramaian, mereka pula akan

mendedahkan orang lain kepada jangkitan virus berkenaan," katanya.

Menurut Noor Hisham, usaha kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu dilihat sebagai satu langkah proaktif dan efektif yang membawa kepada penurunan jumlah kes jangkitan Covid-19.

"Umum tahu, Mac lalu Malaysia mencatatkan jumlah kes sehingga tiga kali ganda lebih tinggi berbanding semua negara lain di Asia Tenggara.

"Pun begitu selepas empat minggu PKP dilaksanakan termasuk memperkenalkan PKP Pemulihan, jumlah jangkitan Covid-19 mula menunjukkan penurunan dan negara-negara seperti Filipina, Indonesia dan Singapura mula mengatasi Malaysia," ujarnya.

Julai lalu, Malaysia telah diiktiraf antara negara yang amat berjaya di dunia dalam mengawal dan menguruskan pandemik Covid-19 seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Memetik kenyataan media yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, Muhyiddin menzahirkan rasa syukur selain memberitahu kejayaan tersebut adalah hasil berkat usaha dan kesungguhan serta kerjasama semua pihak di peringkat kerajaan hingga masyarakat.

"Kita bersyukur kerana Malaysia telah dapat melalui satu tempoh masa yang amat mencabar iaitu untuk menangani wabak Covid-19 yang melanda dunia dan Malaysia tidak terkecuali.

Pengorbanan doktor hadapi krisis Covid-19

KUALA LUMPUR: Berlainan dengan sambutan sebelum ini, Hari Doktor Sedunia 2020 yang disambut setiap 30 Mac setiap tahun pastinya mencatat sejarah baharu dalam profesion kedokteran termasuklah di Malaysia.

Hal ini kerana seluruh dunia sedang berdepan dan bergelumang melawan pandemik Covid-19 dan golongan doktor pastinya antara wira barisan hadapan yang secara tidak langsung menjadi benteng bagi membendung penularan wabak maut tersebut.

Pakar Perunding Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh, Dr. Suresh Kumar Chidambaram berkata, tiada istilah sambutan Hari Doktor Sedunia bagi dirinya dan rakan-rakan sepejuangan tahun ini selain memastikan pembendungan Covid-19 secara total.

"2020 merupakan tahun yang benar-benar mencabar fizikal dan mental sekali gus menguji profesion saya sepanjang bergelut ahli perubahan selama lebih 15 tahun.

"Sejak pandemik Covid-19 menjengah dan membadai negara kita hujung Februari lalu, kehidupan kami turut berubah 100 peratus," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Suresh Kumar, terpaksa berjauhan dengan anak dan keluarga tersayang selain memakai sut kelengkapan perlindungan peribadi (PPE) berjam-jam lamanya semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan seakan-akan sudah lali buat dia dan kumpulannya.

Bercerita lanjut, beliau turut merakamkan ucapan tahniah buat Malaysia dan semua barisan hadapan serta masyarakat amnya kerana bersama-sama membendung wabak Covid-19 daripada terus berleluasa.

Bagi Doktor Kesihatan



“Sejak pandemik Covid-19 menjengah dan membadai negara kita hujung Februari lalu, kehidupan kami turut berubah 100 peratus.”

DR. SURESH KUMAR CHIDAMBARAM

Profesional (MBBS), Dr. Noordin Darus, beliau menyifatkan Malaysia mempunyai kapasiti dan kekuatan tersendiri untuk menangani Covid-19 dengan sejarah kejayaan cemerlang mengawal pelbagai penyakit berjangkit serta wabak sebelum ini.

"Saya percaya Malaysia mempunyai keupayaan dan kebolehan tersendiri bagi membendung pandemik berbahaya ini. Pun begitu, kita memerlukan kerjasama semua rakyat Malaysia untuk sama-sama memerangnya tanpa kenal erti putus asa.

"Status dan keadaan Covid-19 di Malaysia masih dalam keadaan terkawal. Jika di China ia dikategorikan sebagai wabak tapi di negara ini ia disifatkan sebagai satu kluster," ujarnya.

PETUGAS barisan hadapan bersedia membantu menangani wabak berbahaya meskipun terpaksa merisikokan diri sendiri.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Dua kluster baharu dikesan, satu kematian direkodkan

PUTRAJAYA – Dua kluster baharu penularan Covid-19 dikesan membabitkan seorang ejen syarikat kapal di Pelabuhan Klang, Selangor (Kluster MV Gen) dan seorang petugas kesihatan di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah (Kluster Telaga).

Pertambahan kes dalam dua kluster itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 sebanyak 9,934 dengan kebolehan jangkitan 160 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kedua-dua kes penularan tempatan membabitkan warganegara itu adalah sebahagian daripada 17 kes baharu termasuk 15 kes import yang dilaporkan semalam.

"Kes indeks Kluster MV Gen iaitu kes ke-9,286 merupakan seorang kru kapal warga asing dan dilaporkan positif pada 25 Ogos lalu. Kes pertama bagi kluster ini merupakan kes import dan mangsa telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut.

"Seramai lapan orang disaring setakat ini dengan dua didapati positif, manakala enam lagi negatif," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Berhubung Kluster Telaga, Noor Hisham berkata, mangsa tidak bergejala dan merupakan kontak rapat kepada kes pertama iaitu kes ke-9,284 yang juga seorang petugas kesihatan di Hospital Sultanah Bahiyah.

"Kes pertama dikesan positif Covid-19 pada 24 Ogos lalu. Punca jangkitan masih dalam siasatan, namun besar kemungkinan disyaki berpunca dalam kalangan komuniti.

"Kedua-dua kes ini merupakan petugas kesihatan berusia 29 dan 51 tahun di Hospital Sultanah Bahiyah, namun tugas tidak melibatkan jagaan kes yang disahkan positif Covid-19. Perkhidmatan hospital tidak terjejas dan tetap berjalan seperti biasa," katanya.

Menurutnya, lebih banyak saringan tertumpu di hospital akan dijalankan sebagai langkah

kawalan.

"Langkah pembersihan dan proses nyah kuman juga telah dijalankan di premis berkaitan. Setakat ini, 372 didapati negatif hasil saringan ke atas 374 individu semalam," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, Kluster Alam yang dikenal pasti di sebuah kapal di Bintulu, Sarawak pada 20 Ogos lalu merekodkan satu kes import semalam.

"Mangsa bukan warganegara, berusia 33 tahun dan mempunyai sejarah perjalanan ke Jepun. Sebanyak 14 kes import lain dari India dan Arab Saudi masing-masing sebanyak 12 dan dua kes serta dilaporkan di ibu negara," katanya.

Dalam pada itu, tambahnya, satu kematian dilaporkan semalam membabitkan seorang lelaki warganegara berumur 75 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit pulmonari obstruktif kronik dan penyakit jantung.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

2 kluster baharu dikesan

Kluster MV Glen di Pelabuhan Klang, Selangor dan Kluster Telaga di Kedah

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan dua kluster baharu wabak koronavirus (Covid-19) di negara ini iaitu Kluster MV Glen di Pelabuhan Klang, Selangor dan Kluster Telaga di Kedah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Telaga dikenal pasti di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar melibatkan dua kes positif dengan kes indeks ialah kes ke-9,284 dilaporkan Isnin lalu manakala kes kedua

adalah kontak rapat kepada kes indeks.

"Kes tidak bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah untuk diberi rawatan. Kedua-dua kes itu merupakan petugas kesihatan di hospital itu, namun tugasannya tidak melibatkan jagaan kes yang disahkan positif Covid-19.

"Sehingga 30 Ogos (semalam) jam 12 tengah hari, sejumlah 374 orang telah disaring dalam kluster ini melibatkan ahli keluarga, kakitangan hospital dan lain-lain," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 372 diuji negatif.

Dr Noor Hisham berkata, punca jangkitan masih dalam siasatan, namun disyaki berpunca di kalangan komuniti dan sebagai langkah kawalan, lebih banyak



DR NOOR HISHAM

saringan tertumpu di hospital akan dijalankan.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, perkhidmatan Hospital Sultanah Bahiyah tidak terjejas dan tetap berjalan seperti biasa dengan langkah pencegahan dan kawalan jangkitan.

Memperincikan Kluster MV Glen, beliau berkata, kluster itu dikenal pasti di sebuah kapal di Pelabuhan Klang melibatkan dua kes positif dengan kes indeks adalah kes ke-9,286 yang dilaporkan pada Selasa lalu yang merupakan seorang kru kapal.

Katanya, kes indeks kluster itu merupakan kes import yang melibatkan bukan warga tempatan manakala kes kedua merupakan rakyat Malaysia juga aja ejen yang dilantik oleh syarikat perkapalan. - Bernama

17 kes baharu Covid-19

KUALA LUMPUR - Sebanyak 17 kes baharu positif Covid-19 melibatkan 15 kes import dan dua penularan dalam negara dilaporkan semalam, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak itu di negara ini sebanyak 9,334 kes, manakala kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 160 kes.

"Daripada 17 kes baharu dilaporkan, 15 adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan 11 warga Malaysia dan empat bukan warganegara.

"Sebanyak 15 kes import itu adalah dari India (12 kes di Kuala Lumpur); Arab Saudi (dua kes di Kuala Lumpur) dan Jepun (satu kes di Sarawak)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengenai dua kes penularan tempatan membabitkan


warga tempatan, Dr Noor Hisham berkata, satu kes dikesan di Selangor melalui saringan kontak rapat kes positif ke-9,286, manakala satu kes di Kedah melalui saringan kontak rapat kes positif ke-9,284.

Dr Noor Hisham memaklumkan 10 kes telah pulih Covid-19 semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya 9,048 kes atau 96.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, setakat semalam, tujuh kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), termasuk lima kes memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau turut memaklumkan terdapat pertambahan satu kes kematian berkaitan Covid-19 sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat wabak itu sebanyak 126 kes (1.35 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEWS/NATION

NewStraitsTimes . MONDAY, AUGUST 31, 2020

10 | NEWS / Nation

COVID-19 UPDATES

NEW CLUSTERS IN SELANGOR AND KEDAH

Patients are ship crewmember in Port Klang and health workers in Alor Star hospital

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

TWO new Covid-19 clusters were recorded yesterday in Selangor and Kedah, said Health Director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the first one, known as the *MV Glen* cluster, was detected in Port Klang, Selangor, with its index patient being Case 9,286, who is a ship crewmember who tested positive for the virus on Aug 25.

He said the patient was admitted to Sungai Buloh Hospital for treatment, while Covid-19 screenings had been conducted on eight people so far.

"Of the total, two people tested positive for Covid-19.

"The index case for this cluster was imported as he is a foreigner, while the second case is a Malaysian," he said in a statement yesterday.

He said active case detection and screening for close contacts were done with preventive and disease control measures, such as disinfection carried out on the ship.

"The cause of the infection is being investigated. Sign-on and sign-off health screenings are important as this is a border control measure to curb the inflow of people with potential Covid-19 infection. Hence, such measures need to be enhanced to prevent the spread of the disease."

Dr Noor Hisham said the Telaga



The new Telaga cluster was detected at Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star, Kedah, recently. FILE PIC

cluster, which is the second new cluster, was detected when a Covid-19 patient was identified at Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star, Kedah.

The patient was a close contact to the index patient and Case 9,284, who was detected on Aug 24. Both of them are medical staff at the hospital.

"Their duties, however, did not involve caring for Covid-19 patients.

"Up to noon yesterday, 374 people have been screened in this cluster involving families, hospital staff and others.

"Of the total, two tested positive for Covid-19 while 372 tested negative. As preventive measures, more screenings, especially at the hospital, would be conducted.

"Sanitisation and disinfection exercises have been carried out on the premises," he said, adding that operations at the hospital were running as usual.

He said the cause of the infection was being investigated although there was a huge possibility it was contracted from the community.

Dr Noor Hisham said 17 new Covid-19 cases were recorded nationwide yesterday, bringing the tally of infections to 9,334 with active cases totalling 160.

Fifteen cases were imported, 11 of whom were Malaysians, while the rest were foreigners.

One new death was reported by the Health Ministry yesterday, the first in a month, bringing the number of Covid-19 fatalities to 126 (1.35 per cent).

"Case 9,290 was a 75-year-old Malaysian man with a history of diabetes and hypertension, chronic obstructive pulmonary disease and heart disease. He had no history of overseas travel.

"He was coughing and had breathing difficulties on Aug 7 and was admitted to Sultanah Bahiyah Hospital in Kedah for pneumonia."

Dr Noor Hisham said the patient was discharged on Aug 18 but had cough and breathing difficulties again on Aug 21, and was admitted to the same hospital on Aug 24 where he tested positive for Covid-19.

"His health deteriorated and he was pronounced dead on Aug 29 at 5.10pm. The Health Ministry expressed its condolences to the family of the deceased."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Two new clusters identified

One found on board a ship in Port Klang, the other at Kedah hospital

By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my

PETALING JAYA: Two new Covid-19 clusters have emerged, one aboard a ship in Selangor and the other at a hospital in Kedah, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the *MV Glen* cluster involved those on a vessel in Port Klang.

Eight onboard were screened with two testing positive, he said.

Dr Noor Hisham said the index case (case 9,286) was a crew member, who was found positive on Aug 25, adding that the index case was an imported case involving a non-Malaysian, while the second case was a local transmission involving a Malaysian who was the agent appointed by the shipping company.

Active case detection, he said, was being conducted and the source of the infection was still under investigation.

"The sign-on and sign-off health screening is important because this is one of the border controls in place to curb the entry of individuals who are potentially Covid-19 positive into the country," he added.

The other Telaga cluster, he said, was at Hospital Sultanah Bahiyah in Kedah and involved two employees.

"The two cases are healthcare personnel in the hospital; however, their duties do not involve the care of Covid-19 positive patients," he said.

The new case from this cluster is a close contact of the index case, who was found to be positive on Aug 24. The new case is asymptomatic and has been admitted into the hospital for treatment.

As at noon yesterday, 374 people linked to this cluster have been screened, including family members and other hospital staff.

Only the two cases have tested positive, while the other 372 individuals tested negative.

"The services offered at the hospi-

tal will not be affected and will carry on as usual. The source of the infection is still under investigation but there is a big possibility that it originated from the community.

"As an additional measure, more targeted screenings at the hospital will be conducted. Precautionary measures and infection control have also been carried out," he said.

Malaysia saw one more Covid-19 death yesterday, bringing the death toll up to 126.

"The 126th death is case 9,290, a Malaysian male aged 75 years with a history of diabetes, high blood pressure, chronic obstructive pulmonary disease and heart disease.

"He had no travel history. He started displaying symptoms such as cough and difficulty in breathing on Aug 7 and was admitted to Sultanah Bahiyah hospital in Kedah for pneumonia," said Dr Noor Hisham.

"He was discharged from the hospital on Aug 18, but suffered from cough and respiratory problems on

Aug 21 and received treatment on Aug 24 at Hospital Sultanah Bahiyah.

"The screening test showed that he was Covid-19 positive. His health condition deteriorated and he died on Aug 29 at 5.10pm," he said.

The country also recorded 17 new Covid-19 cases yesterday, bringing the total number of infections to 9,334 cases.

Dr Noor Hisham said 15 of the new cases were imported from India, Saudi Arabia and Japan.

He also said 10 more patients had recovered yesterday.

There are currently 160 active cases being treated at the country's health facilities, with seven patients in the intensive care units and five of them on ventilator support.

Watch the video
thestartv.com



New test shows pupil had false positive

PETALING JAYA: A Year Two pupil from SJK(C) Subang who had tested positive for Covid-19 turned out to have had a false positive result.

A school management representative confirmed the lab results of the boy's second test.

She said the boy's close contacts were also found to be negative, which meant that there was no need for them to be quarantined.

The school, she said, would be running as usual, and no screening or quarantine was needed for the students and teachers of the class.

The boy and his four family members were earlier sent to Hospital Sungai Buloh to be tested for Covid-19.



Striking a pose

A girl posing for a photo at the Kuala Lumpur Bird Park in Kuala Lumpur. The 8ha park is the largest free-flight aviary park in the world, meaning that the birds get to fly freely under a large net canopy.
— ONG SOON HIN/The Star